2.1.1.21 Bilangan program yang melibatkan masyarakat dan komuniti.
2.1.1.2.2 Bilangan ahli masyarakat dan komuniti yang menyertai program.
2.1.1.3.1 Bilangan program yang melibatkan masyarakat dan komuniti berjangka panjang.
2.1.1.3.2 Bilangan pakar di Universiti yang terlibat dengan penyelesaian masalah masyarakat & komuniti.



# TERAS STRATEGIK 3
# MENJUARAI KHIDMAT INSANI, MENGUNDANG KESEJAHTERAAN

Teras ini memberi fokus kepada penyampaian pelbagai khidmat kemanusiaan kepada masyarakat di dalam dan di luar kampus. Bagi memastikan agar UTeM sentiasa relevan, universiti wajar memanfaatkan ilmu, kepakaran dan tenaga kerjanya untuk sama-sama membangunkan masyarakat serta prihatin tentang perkembangan komuniti sekelilingnya iaitu masyarakat negeri Melaka khususnya dan negara amnya.

# UTeM JUARA MTUN BAGI KEBOLEHPASARAN GRADUAN (GE) GRADUAN 2023

LANDASAN HALATUJU KPT

FOKUS 1 LANDASAN 3




Kebolehpasaran graduan UTeM bagi tahun 2023 telah mencapai **97.7%** dengan peningkatan sebanyak 1.3% dari tahun 2022 menjadikan UTeM memperoleh GE tertinggi dalam kalangan MTUN dan **peratus graduan bekerja** yang tertinggi dalam kalangan MTUN iaitu sebanyak **76.7%.** UTeM tergolong dalam 4 universiti awam yang memperoleh kadar responden 100% dan naik ke **tangga ke-5 daripada 20 universiti awam**.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.2.1 95% Kebolehpasaran Graduan (GE)

# KEBOLEHPASARAN GRADUAN UTEM (BEKERJA)

4 QUALITY EDUCATION | 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 1 LANDASAN 3 |
|---|---|

## Kadar Kebolehpasaran Graduan UA 2023




**UTeM yang pertama antara MTUN & ke-5 antara UA**

1. GE UA meningkat 0.2% dari tahun 2022 ke tahun 2023
2. UA yang mendapat GE tertinggi 97% dan ke atas (Top 7) iaitu : UTM,UPM,UPNM,UMS,**UTeM**,UniMAP,UMPSA
3. 4 UA yang mencapai responden 100% iaitu : UTM,UMS,**UTeM**,UniMAP
4. % Bekerja UA (top 10) iaitu : UPNM,UKM,UMK,USIM,UMS,UPSI,UMT,**UTeM**,UUM,UM

| | Bekerja | Melanjutkan Pengajian | Meningkatkan kemahiran | Menunggu penempatan pekerjaan | Belum Bekerja |
|---|---|---|---|---|---|
| 2023 | 69.4% \| 92,013 | 16.4% \| 21,723 | 3.1% \| 4,104 | 4.2% \| 5,550 | 7.0% \| 9,286 |
| 2022 | 69.4% \| 92,945 | 17.4% \| 23,360 | 2.4% \| 3,166 | 3.6% \| 4,810 | 7.2% \| 9,659 |

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.2.1 95% Kebolehpasaran Graduan (GE)

# PENCAPAIAN PEKERJAAN DALAM & LUAR BIDANG BEKERJA (WARGANEGARA): GRADUAN UTeM

4 QUALITY EDUCATION | 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 1 LANDASAN 3 |
|---|---|

Peratusan graduan UTeM yang **bekerja dalam bidang** bagi tahun 2023 adalah sebanyak **60.7%** atau 1519 orang.




| Tahun | 2020 | 2021 | 2022 |
|---|---|---|---|
| Dalam Bidang (W) | 51.3% | 60.4% | 64.6% |
| Luar Bidang (W) | 48.7% | 39.6% | 35.4% |

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.2.1 95% Kebolehpasaran Graduan (GE)

4 QUALITY EDUCATION
8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

# ANUGERAH UNIVERSITI PILIHAN MAJIKAN

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**LANDASAN HALATUJU KPT**

**FOKUS 1 LANDASAN 3**




UTeM telah mencipta 1 lagi sejarah yang mana 3 bidang pengajian iaitu Mekatronik (FTKE), Automotif (FTKM) & Teknologi Permainan (FTMK) telah menjadi pilihan majikan tertinggi. Anugerah ini dinilai berdasarkan kajiselidik yang diadakan oleh pihak Talentbank yang mana lebih daripada 100 industries telah menjawab kajiselidik ini terhadap bidang- bidang pengajian di 20 Uni. Awam & 23 Uni. Swasta.

YBhg. PM. Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif, TNCHEPA telah mewakili YBrs. Prof. Datuk NC bagi menerima anugerah ini pada 2 Mei 2024. Turut hadir Dr. Hazli Rafis Abdul Rahim, Pengarah Pusat Alumni, Kerjaya & Kebolehpasaran (U-ACE), Dr. TS. Dr. Muhamad Haziq Lim Abdullah, TDPP FTMK, Dr. Nadlene Razali, TDPP FTKM & En. Hazman Hasib, Timb. Pengarah UGlobe.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.2.1 95% Kebolehpasaran Graduan (GE)

4 QUALITY EDUCATION | 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH | 17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN HUB eUSAHAWAN MDEC

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**LANDASAN HALATUJU KPT**

**FOKUS 1 LANDASAN 3**




Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah terpilih dalam empat (4) buat universiti yang menerima anugerah dan diktiraf sebagai Hub eUsahawan daripada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC). Pemilihan UTeM sebagai Hub eUsahawan atas penglibatan yang aktif dalam penganjuran program-program keusahawanan digital anjuran bersama MDEC dan Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE), Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) yang mendokong agenda keusahawanan digital negara bukan sahaja kepada para pelajar malah turut memberikan perkongsian kepakaran bersama komuniti. **UTeM bukan sahaja merupakan universiti pertama yang diiktiraf sebagai Hub eUsahawan oleh MDEC malah merupakan satu-satunya MTUN yang mendapat pengiktirafan di majlis tersebut**.

Anugerah dan pengiktirafan tersebut telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Fabian Bigar, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Digital yang mewakili Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Digital. Turut menyaksikan Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Bin Ujang, KSU Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 27 Jun 2024 di Nexus Ballroom, Bangsar South.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.1.3.1.6 Keusahawanan
3.3.1.2.1 Bilangan inkubator keusahawanan yang ditubuhkan

4 QUALITY EDUCATION

5 GENDER EQUALITY

# PELANCARAN IKON TEJA

**LANDASAN HALATUJU KPT**

**FOKUS 1 LANDASAN 3**






Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melancarkan **ikon baharu** yang dapat menyerlahkan lagi keterampilan pelajar universiti bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga antarabangsa. TEJA dikhususkan untuk **keunggulan peribadi mahasiswi** manakala TUAH untuk mahasiswa.

**Akronim TEJA membawa maksud:**

**T – Tangkas**
**E – Elegan**
**J – Jagat**
**A - Adaptif**

Majlis pelancaran ikon TEJA tersebut telah disempurnakan oleh Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Negeri Melaka, Datuk Kalsom Noordin pada 19 Mac 2024.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.1.3 50% di kalangan pelajar membuahkan impak, hasil daripada program berteraskan 8 Dimensi TUAH
3.1.1.2.1 Bilangan pelajar yang menyertai program/ aktiviti di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

4 QUALITY EDUCATION | 17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

# PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 1 LANDASAN 1 |
| --- | --- |





Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum **Kerjasama antara JAKIM dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka** (UTeM) dan **Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)** bagi pelaksanaan **Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran**. Majlis ini diadakan pada hari ini 5 Mac 2024 di Aras 9, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya.

Dokumen MoA/MoU ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff. Sementara bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pula ditandatangan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim dan bagi pihak Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) akan ditandatangan oleh Profesor Dato' Ts. Dr. Mohd Zamri bin Yusoff yang menjalankan tugas Naib Canselor UNITEN.

**Program kerjasama antara JAKIM-UTeM ini telah bermula sejak tahun 2017**. Majlis Menandatangani MoA/MoU ini merupakan penyambungan perjanjian antara kedua institusi memandangkan tempoh perjanjian sebelum ini telah tamat.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.1.2.2.1 Bilangan bakat baharu di kalangan pelajar dalam bidang sukan, kepimpinan, seni & budaya serta tahfiz

4 QUALITY EDUCATION

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

# MAHASISWA UTeM MENANG DUA ANUGERAH UTAMA DI PERTANDINGAN DIGITAL INNOVATION CREATIVEPRENEUR (DICE 2.0)

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**LANDASAN HALATUJU KPT**

**FOKUS 1 LANDASAN 3**




8 orang pelajar dan 2 mentor daripada **Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** telah berjaya memenangi **dua Anugerah Utama bagi kategori Permainan Digital dan kategori Filem Pendek** di pertandingan Digital Innovation Creativepreneur (DICE 2.0) anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan berjaya membawa pulang trofi, wang tunai RM 5000.00 bagi setiap kategori bagi setiap kategori yang telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud.

Peserta bagi **kategori permainan digital** adalah merupakan sekumpulan pelajar Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) yang terdiri daripada Muhammad Irham Roslan, Muhammad Izzuddin Abdullah, Ahmad Zhoreed Mohamed dan Luqman Hakeem Ahmad Nazri di bawah bimbingan mentor Ts. Dr. Muhammad Haziq Lim Abdullah.

Manakala peserta bagi **kategori filem pendek** pula adalah terdiri daripada Mohamad Erfan Fikrie Abdul Wahid dan Eizhan Armani Rohaimi, pelajar Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian), Shauqeez Roszi, Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) dan Hanif Faisal Sulaiman, Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) di bawah mentor Ts. Muhammad Helmy Emran.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

**Teras 3**

3.1.3.1 Meningkatkan penyertaan pelajar di dalam program/ aktiviti berpandukan 8 Dimensi TUAH

# UNIVERSITY ROBOT COMPETITION KINGDOM OF CHAMPION

4 QUALITY EDUCATION

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 1 LANDASAN 3 |
| --- | --- |




Pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE) memperolehi pencapaian yang membanggakan dalam **Pertandingan Robotik “University Robot Competition Kingdom of Champion (UROCK 2024)”** yang telah berlangsung dengan jayanya di **Festival Ideas Putrajaya** pada 27 hingga 29 November 2024.

Pencapaian semasa URock 2024 adalah:

**1. Rope Climbing Robot**
- Race Competition: 1st Place – RM 2000
- Poster Competition 3rd Place – RM 100

**2. Drone Delivery Challenge**
- Race Competition: 3rd Place – RM 1000

**3. Legged Robot**
- Race Competition: 5th Place
- Poster Competition: 2nd Place – RM 250

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.1.3 50% pelajar memenuhi 8 DIMENSI TUAH TEJA

# KEJAYAAN TUAH TEJA DALAM SUKAN

3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 1 LANDASAN 3 |
| --- | --- |




**Kejohanan 2024 Penang Rowing International Indoor Championship (PRICH)** : **tempat ke – 2** keseluruhan melibatkan pasukan-pasukan Asia.







**Asean University Games 2024 di Surabaya Indonesia** : meraih **pingat perak** dalam Acara recurve berpasukan.



**Malaysian Varsity Silat Championship and International Invitation 2024 (MAVISIC)** : berjaya mengumpul sebanyak **2 pingat perak** di dalam kejohanan ini.




**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.1.3.1 Meningkatkan penyertaan pelajar di dalam program/ aktiviti berpandukan 8 Dimensi TUAH

# KEJAYAAN PELAJAR DI VARSITY TRACK AND FIELD (VTF)

3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 1 LANDASAN 3 |
| --- | --- |













Atlet olahraga TUAH UTeM telah berjaya membawa pulang **1 pingat Emas** dalam acara Merejam Lembing (Lelaki) **& 2 pingat Gangsa** dalam acara Lontar Peluru (Wanita) dan 3000M Berhalangan (Wanita) di Varsity Track and Field (VTF) - Sirkit 1 2024 di Stadium Ipoh, Perak pada 8 hingga 10 Mac 2024.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.1.3 50% di kalangan pelajar membuahkan impak, hasil daripada program berteraskan 8 Dimensi TUAH
3.1.3.1.4 Sukan dan Rekreasi
(iv)Bilangan atlet berprestasi tinggi yang menyertai pertandingan di peringkat universiti/ negeri/ kebangsaan/ antarabangsa

# KEJAYAAN PELAJAR DI KARNIVAL SUKAN MASUM

**LANDASAN HALATUJU KPT** | **FOKUS 1 LANDASAN 3**













Para atlet UTeM telah berjaya mengharumkan nama Universiti pada kejohanan Karnival Sukan MASUM Fasa 1 Tahun 2024 yang berlangsung di UMS.

Kontinjen TUAH TEJA UTeM berjaya merangkul 1 Perak & 4 Gangsa.

Pencak Silat Kategori Bebas
Muhammad Aiman bin Azali I FTMK
Memanah - Elimination Round
Muhammad Hafiyzul Hadi bin Haidi I FTKE
Petanque Double Wanita
Nur Durratul Hikmah binti Yazit & Siti Nuraini binti Sazali I FTKM
Petanque Triple Lelaki
Ahmad Syahmi bin Shahabuddin I FTKM
Muhammad Haziq bin Abd Latif I FTKM
Ieman Mukhriz bin Ismail I FTKIP
Taekwondo Kyorugi Bawah 58kg
Harris Dinie bin Zaiti Akhtar I FTKM

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.1.2.2.1 Bilangan bakat baharu dalam kalangan pelajar dalam bidang sukan, kepimpinan, seni dan budaya serta tahfiz
3.1.3.1.4 Sukan Dan Rekreasi
(b) Bilangan penyertaan
(c) Bilangan atlet yang dihasilkan di peringkat Universiti
(d) Bilangan atlet berprestasi tinggi yang menyertai pertandingan di peringkat Universiti/Negeri/Kebangsaan/Antarabangsa

1 NO POVERTY
4 QUALITY EDUCATION
8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE

**LANDASAN HALATUJU KPT**

**FOKUS 1 & 3 LANDASAN 3 & 11**

# PROJEK SULAM

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




Projek SULAM adalah projek untuk menggabungkan objektif pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti yang melibatkan pelajar berinteraksi dengan komuniti bagi menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari di bilik kuliah.

Projek SULAM yang melibatkan pelajar-pelajar UTeM dan komuniti termasuklah:

1. 3D Makerminds Outreach-innovate Ideas Within Society
2. Creative Fest 2024
3. Kem Pemantapan Mata Pelajaran Fizik Kepada Pelajar Smk Dato' Dol Said
4. Program Kejurulatihan Dan Bimbingan Digitalisasi Perniagaan

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 1 & Teras 3**
1.2.1.5.1 Bilangan kursus modul diterapkan dengan program/ aktiviti SULAM :1/fakulti
3.1.3.4 Mengukuhkan Kebolehpasaran Graduan dan Ketersediaan Industri melalui JUARA SULAM – program hubungan strategik di antara pelajar dan agensi, industri serta komuniti
3.5.1.2.1 Bilangan kursus yang mengandungi pendekatan SULAM

1 NO POVERTY | 4 QUALITY EDUCATION | 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

# BIASISWA DAN BANTUAN

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 20 |
|---|---|

## JUMLAH BIASISWA DAN BANTUAN
## RM 10,614,597.00

Program SULUNG
RM 78,400.00

Bantuan one off pengajian
RM 6,000.00



Biasiswa Dalaman KESIDANG
RM 5,000,000.00

Food Bank Siswa
RM 23,000.00

Zakat
RM 1,384,388.00

Biasiswa
RM 4,031,309.00

Program Anak Emas
RM 91,500.00

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.1.4.1.2 Bilangan penerima biasiswa

# BIASISWA ANAK EMAS UTeM

**LANDASAN HALATUJU KPT**

**FOKUS 5 LANDASAN 20**






Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah merealisasikan inisiatif kebajikan dengan menawarkan **Biasiswa Anak Emas** dan bantuan kebajikan komprehensif UTeM dalam memastikan pelajar-pelajar kurang berkemampuan dapat menyambung pengajian dengan selesa dan mengubah nasib keluarga.

Biasiswa Anak Emas telah ditawarkan kepada **tiga (3) pelajar baharu** kemasukan pengajian sesi 1 2024/2025 iaitu **Dharshini Subramaniam, Nur Hidaayah Masri dan Ahmad Syukran Shairul Norazhar** menjadikan **keseluruhan penerima Biasiswa Anak Emas adalah seramai 9 orang.**

Ketiga-tiga pelajar ini merupakan pelajar yang layak diberikan Biasiswa Anak Emas berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan oleh pihak Universiti. Mereka menerima enam (6) faedah sepanjang pengajian antaranya ditanggung keseluruhan yuran pengajian sehingga tamat pengajian, diberikan wang saraan hidup bulanan sebanyak RM500 dan turut menerima RM1,500 sebagai wang awal pengajian.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.1.4.1.2 Bilangan penerima biasiswa

# BIASISWA KESIDANG

LANDASAN HALATUJU KPT

FOKUS 4 & 5 LANDASAN 14 & 20




Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menawarkan **Biasiswa Kesidang** kepada **pelajar dari 23 negara anggota Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)** untuk melanjutkan pengajian di UTeM. Biasiswa ini merangkumi pembiayaan yuran pengajian dan bertujuan memperluaskan peluang pendidikan tinggi teknikal dan vokasional (TVET) kepada pelajar antarabangsa dari rangkaian negara DMDI.

Majlis pengumuman Biasiswa Kesidang berlangsung semasa penutup Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) ke-22 di Jamiyah Islamic Centre, Singapura. Ia disampaikan oleh Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts Dr Massila Kamalrudin, dan turut disaksikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Mohd Rustam, Yang Dipertua Negeri Melaka merangkap Presiden DMDI dan Canselor UTeM. Majlis ini juga dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Holdings, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Dekan IPTK Profesor Dr Ahmad Zaki A Bakar, Timbalan Dekan IPTK Profesor Madya Dr Suriati Akmal, serta Pengarah UGlobe Hazman Hasib.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.1.4.1.2 Bilangan penerima biasiswa

8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

# MAJLIS PECAH TANAH RUMAH ALUMNI UTeM

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 19 |
|---|---|





Majlis Pecah Tanah bagi Pembangunan Rumah Alumni UTeM yang telah berlangsung di Tapak Kokurikulum UTeM pada 29 Februari 2024. Program ini telah dianjurkan di bawah Pejabat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG) yang telah dijenamakan kepada U-ACE (UTeM Alumni, Career and Employbility) di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bersama-sama dengan Persatuan Alumni UTeM.

Program dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Dr. Husaini bin Omar, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM dengan dihadiri oleh ahli-ahli lembaga pengarah universiti yang lain, pengurusan tertinggi universiti, alumni-alumni UTeM, dan staf-staf UTeM. Pembangunan Rumah Alumni UTeM ini diharapkan dapat mengembalikan aura Alumni UTeM secara tidak langsung menjadi **satu lokasi untuk alumni berkumpul dan berbakti kepada UTeM** dalam apa cara sekalipun.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.4.1 Mempertingkatkan penglibatan Alumni UTeM untuk memperkasakan hubungan dan sebagai perantara dengan industri dan pasaran kerja
3.4.1.1.2 Bilangan program yang dianjurkan oleh Alumni

# PENGANJURAN MAJLIS MALAM ALUMNI UNIVERSITI AWAM 2024

4 QUALITY EDUCATION | 17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**LANDASAN HALATUJU KPT**

**FOKUS 1 & 5**
**LANDASAN 3 & 19**




Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Majlis Alumni Universiti Awam Malaysia (MALUMNI) dan **UTeM sebagai tuan rumah** telah menganjurkan **Majlis Malam Alumni Universiti Awam 2024** bertemakan "Alumni Penggerak Transformasi Universiti". Majlis ini berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada 17 Ogos 2024 jam 8.00 malam.

Turut hadir pada malam ini juga **YB Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir Menteri Pendidikan Tinggi**, Naib Canselor serta Timbalan Naib Canselor Universiti Awam seluruh Malaysia. Acara yang berprestij ini bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan alumni universiti awam dalam memajukan dan mentransformasikan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Ia juga menjadi platform penting untuk mengukuhkan jaringan antara alumni dengan universiti serta sektor-sektor lain yang berkaitan.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.4.1 Mempertingkatkan penglibatan Alumni UTeM untuk memperkasakan hubungan dan sebagai perantara dengan industri dan pasaran kerja. 500 Alumni menjelang 2025

4 QUALITY EDUCATION

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

# ANUGERAH ALUMNI MUDA HARAPAN UNIVERSITI AWAM 2024

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 19 |
| --- | --- |




Alumni Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM), **En. Ahmad Nawawi Amin**, telah dianugerahkan **Anugerah Alumni Muda Harapan** di Majlis Malam Alumni Universiti Awam 2024 yang berlangsung pada 17 Ogos 2024. Anugerah ini diberikan kepada alumni di bawah usia 40 tahun yang telah menunjukkan komitmen luar biasa dalam memberi kembali kepada universiti, sama ada melalui sumbangan tenaga, idea, atau kewangan.

Ahmad Nawawi, yang merupakan **graduan program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)**, telah memainkan peranan yang signifikan dalam menjayakan program "Mechanical Weeks" FTKM. Pengiktirafan ini bukan sahaja mencerminkan dedikasinya terhadap alma mater, tetapi juga menggarisbawahi pengaruh positifnya dalam memupuk pembangunan dan kejayaan masa depan universiti.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 3**
3.4.1 Mempertingkatkan penglibatan Alumni UTeM untuk memperkasakan hubungan dan sebagai perantara dengan industri dan pasaran kerja. 500 Alumni menjelang 2025

# TERAS STRATEGIK 4 MENCETUSKAN EKOSISTEM RANCAK, MELESTARIKAN UNIVERSITI

Teras ini menekankan kepentingan interaksi antara tiga sumber utama ekosistem sesebuah universiti iaitu sumber fizikal (infra & info struktur dan kemudahan), kewangan dan manusia. Kelestarian dan kecemerlangan UTeM akan dicapai apabila ekosistem ini diperkukuhkan melalui pendekatan yang menyeluruh agar ketiga-tiga sumber ini berintegrasi dan berfungsi dengan berkesan.



4 QUALITY EDUCATION

# MEMPERKASA SUMBER MANUSIA

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 18 |
|---|---|

## SUMBER MANUSIA

*Data sehingga 31 Disember 2024

4 PENGURUSAN UTAMA + 868 AKADEMIK + 226 PENTADBIRAN (PENGURUSAN & PROFESIONAL) + 924 PENTADBIRAN (PELAKSANA) = 2022

- 50 JURUTERA PENGAJAR
- 28 PROFESOR
- 109 PROFESOR MADYA
- 17 GURU BAHASA
- 154 PENSYARAH
- 514 PENSYARAH KANAN

### KELAYAKAN

- PhD 580 ORANG
- Profesional 561 ORANG
  - PhD+Ir. 80 staf
  - PhD+Ts. 184 staf
  - Profesional cert. 297 staf

### 18 Ekspatriat

| Negara | Bilangan |
|---|---|
| Pakistan | 2 |
| Yemen | 2 |
| Indonesia | 5 |
| United Kingdom | 1 |
| Bangladesh | 1 |
| Jordan | 1 |
| Nigeria | 1 |
| Palestin | 1 |
| India | 1 |
| Iran | 2 |
| Iraq | 1 |

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 4**
4.1.1.5.1 Bilangan staf akademik antarabangsa
4.1.1.5.2 Bilangan staf akademik



59

# KENAIKAN PANGKAT STAF TAHUN 2024

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 18 |
|---|---|

**110** Berjaya naik pangkat tahun 2024






**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 4**
4.5.1.1 Kajian semula dasar kenaikan pangkat kakitangan akademik

# PELANTIKAN STAF BAHARU TAHUN 2024

**LANDASAN HALATUJU KPT**

**FOKUS 5 LANDASAN 18**










## 36 Lantikan Tahun 2024

### Pelantikan Staf Baharu Mengikut Kumpulan Perkhidmatan




**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 4**
4.1.1.5.2 Bilangan staf akademik

# WORLD DISTINGUISHED WOMEN LEADER LIFETIME ACHIEVEMENT AWARD

5 GENDER EQUALITY | 17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 18 |
|---|---|




Tahniah diucapkan kepada **YBhg.Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin** di atas penerimaan **Anugerah World Distinguished Women Leader Lifetime Achievement Award** sempena 2024 World Women Economic & Business Summit (WWEBS2024).

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur WWEBS 2024, Datuk Halimah Mohd Said dan majlis ini telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Nancy Shukri. Berangkat sama ke majlis berkenaan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah.

WWEBS merupakan sidang kemuncak antarabangsa bertujuan memperkasa dan menyokong wanita dalam bidang ekonomi dan perniagaan serta menumpukan inovasi, kepimpinan, dan pendidikan sebagai elemen penting dalam memperkasakan wanita untuk menjadi pemimpin.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**

**Teras 4**
4.3 Membangun dan mengekalkan kecemerlangan kepimpinan (F1 Team)
4.4.1.1 Membangunkan organisasi cemerlang yang memfokuskan kepada 5 Nilai Teras UTeM

# ANUGERAH PERSONALITI CEMERLANG PENDIDIKAN TRANSFORMATIF PERINGKAT ASIA

LANDASAN HALATUJU KPT

FOKUS 5 LANDASAN 18




Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Professor Datuk Ts Dr Massila Kamalrudin telah berjaya menerima **Anugerah Personaliti Pendidikan Transfomartif Cemerlang peringkat Asia.** Kejayaan ini meletakkan beliau sebagai 10 personaliti terbaik di peringkat Asia dalam bidang kepakaran masing-masing menerusi majlis Top Asia Corporate Ball 2024.

Top Asia Corporate Ball 2024 yang merupakan acara tahunan berprestij yang mengiktiraf syarikat-syarikat, pemimpin industri, pendidikan serta tokoh masyarakat terkemuka dari seluruh Asia untuk diraikan kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 4**
4.3 Membangun dan mengekalkan kecemerlangan kepimpinan (F1 Team)
4.4.1.1 Membangunkan organisasi cemerlang yang memfokuskan kepada 5 Nilai Teras UTeM

3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING

# KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA (SUKUM) 2024 KALI KE – 45

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**LANDASAN HALATUJU KPT**

**FOKUS 5 LANDASAN 18**




UTeM dengan kekuatan kontinjen 86 orang atlet & pegawai telah berjaya mengumpul **4 Emas, 1 Perak dan 9 Gangsa** melepasi sasaran yang telah ditetapkan dan juga **merupakan kutipan pingat yang tertinggi sepanjang penyertaan UTeM di SUKUM**.

**Ringkasan Pencapaian Pingat Kontinjen UTeM:**

- Berbasikal Senior : 1 Gangsa
- Petanque Double Wanita : 1 Gangsa
- Hoki : 1 Gangsa
- Bolasepak : 1 Gangsa
- Ping Pong Double Veteran : 1 Gangsa
- Badminton : 1 Gangsa Single Lelaki,
  1 Emas Double Lelaki
- Olahraga : 1 Gangsa Lempar Cakera
  1 Emas Rejam Lembing Super Senior Veteran
  1 Perak Rejam Lembing Super Senior Veteran
- Dart : 1 Emas Foursome
- Catur : 1 Emas Acara Biltz 3+2s Wanita
  1 Gangsa Berkumpulan Lelaki
  1 Gangsa Berkumpulan Wanita

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 4**
4.4.1.3 Melaksanakan program Amalan Hidup Sihat

4 QUALITY EDUCATION

# PENARAFAN PROJEK INOVASI TERBAIK KATEGORI AMALAN INOVASI PENGURUSAN (AIPN) DAN PENARAFAN EMAS

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 18 |
| --- | --- |




Kumpulan KIK UTeM iaitu Kumpulan SmartSoul telah menerima **Penarafan Projek Inovasi Terbaik Kategori Amalan Inovasi Pengurusan (AIPN)** dan **Penarafan Emas dengan Tajuk Inovasi : Pengurusan Pakaian Seragam Berkesan FDD UTeM: Sistem Pintar Pengesanan Kerosakan Fabrik UTeM** di Pertandingan Inovasi Sempena Karnival Inovasi @ Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 2024 pada 17 – 21 November 2024.

Kumpulan SmartSoul diketuai oleh Puan Noorazilah binti Mohamed dan Fasilitator adalah Ts. Dr. Hazriq Izzuan bin Jaafar.
Ahli Kumpulan SmartSoul:

1. Dr. Zuraini binti Othman
2. Encik Azly Hisham bin Haron
3. Encik Mohd Nizam bin Mazlan
4. Puan Zulaikha binti Md Radzai
5. Puan Suhada Syaza binti Safiee
6. Puan Azie binti Rasid
7. Encik Muhammad Iqbal bin Amdan
8. Puan Nurul Afiza binti Bahari

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 2**
2.1.1.1.6 Bilangan penyelidikan yang memberi penyelesaian dan manfaat kepada industri (produktiviti/ kualiti produk/ perkhidmatan hasil pemindahan dan penggunaan teknologi/ inovasi) dan negara.

# PENGURNIAAN BINTANG DAN PINGAT KEBESARAN NEGERI MELAKA TAHUN 2024

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 18 |
|---|---|




Pengurniaan Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka Tahun 2024 Sempena Sambutan Hari Jadi Yang Ke 75 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka kepada Keluarga UTeM;

**Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**
**Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**
**Pingat Darjah Seri Melaka (D.S.M)**

**Prof. Dr. Ahmad Zaki bin A Bakar**
**Dekan**
**Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan**
**Pingat Darjah Seri Melaka (D.S.M)**

**Ts. Dr. Ruziah binti Ali**
**Pengarah Penerbit UTeM**
**Pingat Bintang Khidmat Terpuji (B.K.T)**

**Ir. Dr. Rayme bin Anang Masuri**
**Pengarah**
**Pejabat Pengurusan Pembangunan UTeM**
**Pingat Bintang Cemerlang Melaka (B.C.M)**

**Encik Zainudin bin Salleh**
**Timbalan Pengarah (Infrastruktur)**
**Pejabat Ketua Digital UTEM Perodua Eco Challenge2013**
**Pingat Bintang Khidmat Terpuji (B.K.T)**

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 4**
4.4.1.1 Membangunkan organisasi cemerlang yang memfokuskan kepada 5 Nilai Teras UTeM

# PRAKTIS @ KONVENSYEN PENTADBIR UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2024



| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 18 |
|---|---|




Ahli PRAKTIS yang telah menerima **Anugerah Pembentang Terbaik** dalam **Konvensyen Pentadbir Universiti Awam Malaysia 2024**. Konvensyen ini telah berlangsung pada 20 Ogos 2024 yang lalu bersempena menyambut Hari Pentadbir Universiti Awam.

Keputusan dan nama pembentang-pembentang terbaik adalah seperti berikut:

**Kategori Lestari**
1. Puan Noor Izwanni Amil (CRIM)
Pendigitalan Proses Pengumpulan Data Secara Holistik
Keputusan: Perak

**Kategori Inovasi**
1. Puan Noorazilah Mohamed (FTKEK)
Kajian Kesukaran Penentuan Kerosakan Bagi Penggantian Pakaian Seragam: Fabric Detect Defection (FDD-UTeM)
Keputusan: Gangsa

2. Encik Mohd Arif Mohd Azman (CRIM)
Kaedah Pelaporan Prestasi Penyelidikan dan Inovasi Secara Holistik dan Sistematik Berdasarkan Analisa Data
Keputusan: Gangsa

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 4**
4.4.1.1 Membangunkan organisasi cemerlang yang memfokuskan kepada 5 Nilai Teras UTeM

# BELANJAWAN BAGI PERUNTUKAN MENGURUS TAHUN 2024

8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH | 16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 18 |
|---|---|

## KELULUSAN PERUNTUKAN MENGURUS AWAL TAHUN 2024 *

RM 300,000,000

| | |
|---|---|
| 76% | GERAN KERAJAAN RM 229,434,800 |
| 24% | RIZAB UNIVERSITI RM 70,565,200 |

## KEDUDUKAN PERUNTUKAN MENGURUS AWAL & TAMBAHAN TAHUN 2024

RM 329,731,527

| | |
|---|---|
| 75% | GERAN KERAJAAN RM 247,415,983 |
| 25% | RIZAB UNIVERSITI RM 82,315,544 |

* Kelulusan diperolehi melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Khas Bil. 9 Tahun 2024 yang bersidang pada 20 Disember 2023: Kertas Kerja Agihan Anggaran Belanja Mengurus (ABM-7) Tahun 2024.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 4**
4.6 Mengoptimumkan produktiviti melalui kecekapan dan keberkesanan kos

# PENJANAAN PENDAPATAN TAHUN 2024

8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 18 |
|---|---|

| PENJANAAN PENDAPATAN TAHUN 2024 (SUMBER DALAMAN) | ST5 (MENGEMBANGKAN NILAI, MENGGAMIT KEMAKMURAN) | SASARAN PENJANAAN TAHUN 2024 | PENJANAAN TAHUN 2024 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | *RESTRICTED* | *NON-RESTRICTED* (BOLEH GUNA) | JUMLAH KESELURUHAN JANA | % PENCAPAIAN |
| | | RM JUTA | RM JUTA | RM JUTA | RM JUTA | % |
| 1) YURAN & HASIL PELAJAR (PRASISWAZAH) | ST 5.3.3 | 46.62 | 13.68 | 25.18 | **38.86** | *83.4* |
| 2) YURAN & HASIL PELAJAR (PASCASISWAZAH) | | 10.67 | 1.57 | 2.05 | **3.62** | *33.9* |
| 3) YURAN & HASIL PELAJAR (UTeM-ACCESS) | | - | 1.23 | - | **1.23** | - |
| 4) DIVIDEN DARI SYARIKAT INDUK | ST 5.3.1 | 8.00 | - | 8.00 | **8.00** | *100* |
| 5) SUMBANGAN TUNAI (CSR) DARI ANAK SYARIKAT | ST 5.3.2 | - | 0.29 | - | **0.29** | - |
| 6) KEUNTUNGAN PELABURAN & PEMBIAYAAN | ST 5.3.4 | 11.23 | - | 9.75 | **9.75** | *86.8* |
| 7) PELBAGAI PENJANAAN PENDAPATAN PTJ | ST 5.3.5 | 3.01 | 1.26 | 2.02 | **3.28** | *187.0* |
| 8) HASIL DARI PERUNDINGAN & PENGKOMERSILAN | | | 2.08 | 0.27 | **2.35** | |
| 9) SUMBANGAN PROGRAM/TABUNG AMANAH | ST 5.3.6 | - | 0.99 | - | **0.99** | - |
| 10) PENDAPATAN PROGRAM/TABUNG AMANAH | - | - | 5.62 | - | **5.62** | - |
| 11) PELBAGAI TERIMAAN DANA PENYELIDIKAN LAIN | - | - | 0.77 | - | **0.77** | - |
| 12) GERAN PENYELIDIKAN KERAJAAN (KOMPETITIF) | - | - | 4.52 | - | **4.52** | - |
| 13) PELBAGAI TERIMAAN & PELARASAN HASIL | - | - | 0.03 | 1.32 | **1.35** | - |
| 14) ASET HADIAH/ENDOWMEN (*non-cash**) | - | - | 11.04 | - | **11.04*** | - |
| **JUMLAH (RM JUTA)** | | **79.53** | **43.08** | **48.59** | **91.67** | ***115.3*** |

# PRESTASI PENJANAAN PENDAPATAN UTeM

LANDASAN HALATUJU KPT

FOKUS 5 LANDASAN 18

## PERBANDINGAN HASIL MENGIKUT TAHUN




| KEDUDUKAN PENDAPATAN (SUMBER DALAMAN) KESELURUHAN | 2020 (RM juta) | 2021 (RM juta) | 2022 (RM juta) | 2023 (RM juta) | 2024 (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| Yuran & Hasil Pelajar (Pra & Pasca Siswazah) | 28.86 | 31.80 | 35.48 | 37.83 | 43.71 |
| Pelbagai Pendapatan Selain Yuran Pelajar | 21.96 | 20.56 | 29.46 | 32.99 | 47.96* |
| **Jumlah Pendapatan Keseluruhan (RM juta)** | **50.82** | **52.36** | **64.94** | **70.82** | **91.67*** |
| **Prestasi Penjanaan Pendapatan:** % Penjanaan Pendapatan (Dalaman) Berbanding Perbelanjaan Operasi Keseluruhan ***KPI Menteri 2024: 20%*** *(Mulai Tahun 2023)* | **12.8%** | **15.5%** | **18.4%** | **18.9%** | **23.1%** |
| a) Jumlah Penjanaan Pendapatan (Dalaman) | 50.82 | 52.36 | 64.94 | 70.82 | 91.67* |
| b) Jumlah Perbelanjaan Operasi Keseluruhan | 396.93 | 336.75 | 352.66 | 375.24 | 397.68 |

* Jumlah penjanaan sumber dalaman ini adalah termasuk hasil penerimaan aset hadiah (aset endowmen) yang telah dinilaikan berjumlah RM11,043,616

Penjanaan pendapatan (sumber dalaman) keseluruhan UTeM pada tahun 2024 telah mencapai **RM91.67 juta** iaitu 115.3% melebihi sasaran RM79.53 juta.

Prestasi peratus penjanaan pendapatan bagi tahun 2024 juga telah **mencapai 23.1%** berbanding perbelanjaan operasi keseluruhan dan **melebihi sasaran** yang ditetapkan oleh KPT iaitu 20% mulai tahun 2023.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 4 & 5**
4.6 Mengoptimumkan produktiviti melalui kecekapan dan keberkesanan kos
5.3 Mempergiat aktiviti penjanaan pendapatan

16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

# PEMBERIAN DIVIDEN TAHUNAN ANAK SYARIKAT KEPADA UTeM

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| LANDASAN HALATUJU KPT | FOKUS 5 LANDASAN 18 |
|---|---|




Bagi tahun kewangan 2023, Dividen yang telah diisytihar dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 28 Mac 2024 adalah sebanyak **RM8,000,000.00** yang merupakan **dividen tertinggi sejak penubuhan syarikat.**

Jumlah Dividen ini bersamaan 54.6% daripada keuntungan bersih UHSB.

Antara faktor pencapaiannya adalah melalui:

1. Penguatkuasaan Garis Panduan Pelaburan Dan Pembiayaan Oleh Universiti Awam Tahun 2024.
2. Pemantauan yang berkesan melalui peranan Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti dan Pengurusan Universiti terhadap Pengurusan syarikat induk.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 5**
5.3.1 Jumlah pemberian dividen tahunan daripada anak syarikat mencapai RM4.5 juta
5.3.1.1.1 Melaporkan dan memantau pencapaian Rancangan Perniagaan Kumpulan UHSB 2022-2026

4 QUALITY EDUCATION
17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

# PROGRAM KEMBARA UMRAH

UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LANDASAN HALATUJU KPT

FOKUS 5 LANDASAN 18






Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan program Kembara Umrah dan Ziarah Premium dengan **kerjasama oleh Pusat Islam UTeM bersama dengan UTeM Holdings Sdn Bhd (UHSB).** Program Kembara Umrah UTeM ini bermula dari 16 hingga 27 Disember 2024 melibatkan seramai **40 orang** dari kalangan kakitangan, ahli keluarga mereka serta pesara UTeM.

Seramai 27 orang peserta daripada kalangan staf UTeM telah menggunakan kemudahan **Pembiayaan UTeM-UHSB (Tanpa Faedah – 0%) sehingga tempoh 60 bulan @ 5 tahun** UTeM-UHSB dan seramai 22 orang staf UTeM layak dan telah terpilih untuk menerima **subsidi penajaan sebanyak 30%** daripada dari harga pakej umrah dari harga pakej **(bernilai RM3,387.00 – RM3,867.00 seorang)** yang dipilih menerusi tajaan daripada UHSB.

UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) telah bertanggungjawab memberikan Pendahuluan Bayaran Penuh Pakej Umrah Premium (termasuk subsidi penajaan) kepada Syarikat Pengendali Pakej Umrah berjumlah **RM310,335.00**.

**PSU 2023 – 2025 : 5ST**
**Teras 2 & 3**
2.4.6.1.1 Sumbangan tunai dan lain-lain bentuk sumbangan kepada UTeM
3.1.3.1.3 (v) Bilangan program/ kursus/ bengkel ilmiah berkaitan keagamaan

# ANUGERAH PEMBAYARAN ZAKAT TERTINGGI

**LANDASAN HALATUJU KPT**

**FOKUS 5 LANDASAN 18**







Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya menerima **Anugerah Majikan Zakat Melaka 2023** bagi kategori Pengajian Tinggi Awam sebagai pembayar zakat tertinggi di Melaka. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, semasa Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan dan Anugerah Majikan Zakat Melaka 2023 yang berlangsung pada 23 Disember 2024.

